



## "PEMIMPIN ADIL NEGARA MAKMUR"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ  
إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا  
بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ <sup>ق</sup> إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا  
بَصِيرًا.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَأَصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ  
وَأَيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ



تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَلَا  
تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ مُسْلِمُونَ.

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,**

Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya.

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,**

Kepimpinan di dalam Islam mempunyai pengertian yang amat luas, termasuklah pemimpin dalam institusi keluarga, pemimpin masyarakat dan juga pemimpin negara. Semakin luas bidang kepimpinan kita maka semakin beratlah tanggungjawab yang perlu dilaksanakan. Hadis daripada Abdullah bin Umar r.a bahawa Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud;

*"Setiap daripada kamu adalah pemimpin dan bertanggungjawab terhadap orang yang dipimpinannya. Seorang ketua adalah pemimpin dan bertanggungjawab kepada rakyatnya, seorang lelaki adalah pemimpin dan bertanggungjawab terhadap isterinya, seorang isteri adalah pemimpin dan bertanggungjawab keatas harta suaminya, seorang hamba adalah pemimpin dan bertanggungjawab keatas milik tuannya".*

*(Riwayat Al-Bukhari)*

Di dalam sejarah kepimpinan Islam, Rasulullah s.a.w adalah merupakan pemimpin umat Islam yang pertama berjaya membentuk



sebuah negara Islam di Madinah Al-Munawarah. Sekalipun penduduk Madinah mempunyai berbagai-bagai suku kaum dan bangsa, namun dengan kebijaksanaan dan keadilan Rasulullah s.a.w mereka dapat hidup dalam keadaan aman dan damai. Keadilan Rasulullah s.a.w sebagai seorang pemimpin amat terserlah dalam banyak perkara. Ini berdasarkan beberapa riwayat yang sahih antaranya hadis daripada Saidatina Aisyah r.a.bahawa Rasulullah s.a.w bersabda;

وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ لَوْ أَنَّ فَاطِمَةَ بِنْتَ مُحَمَّدٍ  
سَرَقَتْ لَقَطَعْتُ يَدَهَا.

*"Demi diriku yang berada di bawah kekuasaan-Nya, kalaulah Fatimah binti Muhammad mencuri nescaya akan ku potong tangannya".*

*(Riwayat Al-Bukhari dan Muslim)*

Dalam melaksanakan syariat Islam, baginda Rasulullah s.a.w tidak pernah membezakan di antara sesama manusia samada ahli keluarganya, kaum kerabatnya, sahabat-sahabatnya mahupun golongan yang berpengaruh atau sebaliknya. Baginda senantiasa berlaku adil di dalam semua perkara. Corak kepimpinan Rasulullah s.a.w ini telah diikuti oleh para khalifah selepasnya seperti Saidina Abu Bakar As-Siddiq, Saidina Umar Al-Khattab dan lain-lain lagi sehinggakan kemakmuran di kota Madinah dapat terus dikekalkan. Inilah antara bukti yang nyata di mana apabila seseorang pemimpin itu bersifat adil maka rumahtangga, masyarakat dan rakyat seluruhnya akan hidup aman sejahtera dan negara akan terus makmur dengan mendapat perlindungan daripada Allah SWT.



## Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Seseorang pemimpin itu hanya akan dianggap sebagai pemimpin yang adil apabila ia dapat melaksanakan amanah yang telah dipertanggungjawabkan kepadanya dengan sempurna. Dua amanah utama yang harus dipikul oleh seorang pemimpin di dalam sebuah negara ialah;

- Pertama : Melaksanakan syariat Allah SWT.
- Kedua : Menggerakkan dan memimpin ke arah kehidupan yang diredhai Allah SWT.

Pemimpin yang adil hendaklah sentiasa menjadikan Al-Quran sebagai panduan utama dalam menjalankan amanah yang telah diberikan kepadanya. Ini adalah kerana Al-Quran mengandungi peraturan Allah SWT yang paling lengkap berbanding peraturan yang dicipta oleh makhluknya. Firman Allah SWT dalam surah Al-Maidah ayat 49 ;

وَأَنْ أَحْكَمَ بَيْنَهُمْ بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَهُمْ  
وَأَحْذَرَهُمْ أَنْ يَفْتِنُوكَ عَنْ بَعْضِ مَا أَنْزَلَ اللَّهُ إِلَيْكَ

*"Dan hendaklah menjalankan hukum antara mereka dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah dan janganlah engkau menurut kehendak hawa nafsu mereka dan berjaga-jagalalah supaya mereka tidak memesongkanmu daripada sesuatu hukum yang telah diturunkan oleh Allah kepadamu".*

Sememangnya amanah ini merupakan suatu yang amat berat untuk dilaksanakan. Cabaran yang akan dihadapi juga amat besar. Ini kerana



tidak semua manusia memahami hikmah dan kebaikan di sebalik pelaksanaan syariat Allah swt. Malahan tidak kurang juga manusia yang tidak mahu terikat dengan peraturan dan hukum hakam yang dianggap menyekat kebebasan mereka. Apatah lagi sekiranya pemimpin itu sendiri tidak memahami bidang tugas dan tanggungjawab yang patut dilaksanakannya. Maka apabila kelemahan seperti ini berlaku, sudah pasti ianya akan merosakkan kesucian agama Islam itu sendiri.

Islam telah meletakkan asas bahawa jawatan sebagai pemimpin tidak diberikan kepada orang yang tidak mempunyai kelayakan sebagai pemimpin. Apatah lagi sekiranya ia meminta atau berusaha mendapatkan jawatan tersebut dengan tipu helah. Sikap seperti ini hanya akan menjadikan jawatan pemimpin itu sebagai bahan rebutan yang akhirnya akan menimbulkan aktiviti-aktiviti tidak sihat seperti rasuah, fitnah, penyelewengan dan sebagainya. Negara pula akan menjadi kacau bilau sekiranya orang seperti ini dilantik menjadi pemimpin kerana keinginannya hanyalah untuk kepentingan dirinya sendiri.

Justeru, dalam kepimpinan sesebuah negara, kemakmuran atau kemunduran negara adalah bergantung kepada baik atau buruknya pentadbiran pemimpin itu. Apabila pemimpin itu melaksanakan amanah kepimpinan dengan adil maka akan makmurlah negara tetapi sekiranya pemimpin itu tidak melaksanakan amanah tersebut dengan adil maka akan robohlah negara dan hancurlah umatnya.

Sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud ;

*"Sesungguhnya telah dihancurkan kaum yang sebelum kamu, apabila orang-orang yang dipandang mulia mencuri maka mereka dibiarkan tetapi apabila orang-orang yang dipandang hina mencuri maka mereka dihukum pula".*

*(Sahih Bukhari)*



## **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,**

Setiap pemimpin telah diberikan amanah oleh Allah SWT agar menjalankan hukum yang telah ditetapkan dengan seadil-adilnya.

Firman Allah SWT dalam surah An-Nisa' ayat 58 yang bermaksud;

*"Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya). Apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhan-Nya) itu telah memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Melihat".*

Para ulama tafsir menyatakan bahawa maksud ayat yang telah disebutkan ini ditujukan khusus kepada para pemimpin (umara'). Suruhan berlaku adil ini bukan sahaja kepada sesama umat Islam tetapi juga merangkumi keseluruhan masyarakat berbilang kaum dan agama yang bernaung di bawah pemerintahan pemimpin tersebut. Sesungguhnya keadilan adalah merupakan hak bagi setiap insan tanpa mengira agama, bangsa dan keturunan.

Sebagai contoh dalam sesebuah pemerintahan, peraturan Islam telah menetapkan bahawa apabila orang-orang kafir yang ingin bernaung dan berlindung di bawah pemerintahan Islam, maka haram bagi kita memeranginya. Bahkan mereka juga hendaklah diberikan hak yang sama sebagaimana masyarakat Islam yang lain. Oleh kerana itu, umat Islam pada hari ini sewajarnya mencontohi sifat adil yang telah ditunjukkan oleh Rasulullah s.a.w dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya sebagai seorang pemimpin.



Apa yang berlaku dalam dunia hari ini, terdapat di kalangan pemimpin yang tidak berlaku adil di dalam menunaikan amanah yang diberikan kepadanya. Mereka gagal menunaikan amanah daripada Allah dan rasulnya tatkala mana mereka tidak melaksanakan syariat Allah SWT di atas muka bumi ini. Bahkan mereka mengkhianatinya pula dengan mencipta peraturan-peraturan yang tidak berlandaskan kepada syariat-Nya. Akibatnya berbagai-bagai kejahatan dan kejadian jenayah yang berlaku tidak dapat diselesaikan. Justeru, kemakmuran yang diharapkan juga tidak dapat dicapai.

Firman Allah SWT dalam surah Al-Anfal ayat 27 ;

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَخُونُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ وَتَخُونُوا  
أَمَنَاتِكُمْ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ

*"Wahai orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan Rasul-Nya, serta (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah (yang diserahkan kepada) kamu, sedangkan kamu mengetahui (dosanya)".*

Terdapat juga sesetengah pemimpin di dunia yang leka mengumpulkan kekayaan peribadi sedangkan rakyat terus menerus hidup dalam kesengsaraan. Kebajikan rakyat tidak pernah diambil peduli. Akibatnya rakyat merasa bosan dan akhirnya bangkit melakukan penentangan disebabkan ketidakadilan pemimpin-pemimpin ini. Sesungguhnya inilah hakikat pergolakan yang sedang berlaku di sesetengah negara umat Islam pada hari ini yang berpunca daripada sifat tamak sesetengah pemimpin mereka.



Keadaan sebegini sudah tentu akan mengakibatkan kemusnahan yang lebih besar di kalangan umat manusia keseluruhannya.

Sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud ;

*"Apabila telah hilang amanah maka tunggulah saat kehancurannya. Baginda ditanya lagi ;Bagaimanakah amanah itu hilang?. Baginda menjawab; Apabila sesuatu urusan itu diserahkan kepada orang yang bukan ahlinya maka tunggulah saat kehancurannya".*

*(Riwayat Bukhari)*

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,**

Seorang pemimpin yang adil dalam menjalankan tanggungjawabnya akan mendapat perlindungan Allah SWT di hari akhirat kelak. Ini berdasarkan sebuah hadis Rasulullah s.a.w yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a. tentang tujuh golongan yang tiada perlindungan selain mendapat perlindungan Allah antaranya ialah pemimpin yang adil.

Apa yang jelasnya adalah seorang pemimpin yang adil akan mendapat kemuliaan bukan sahaja di sisi manusia bahkan juga di sisi Allah SWT. Mereka akan sentiasa mendapat sanjungan di dunia ini di atas keadilannya terhadap masyarakat sehingga terjamin keamanan dan kemakmuran negara. Mereka juga akan mendapat penghormatan dengan diberikan perlindungan oleh Allah SWT daripada azab seksaan. Sebaliknya pemimpin yang tidak adil pula hanya akan merosakkan kemakmuran di dalam sebuah negara. Malahan mereka juga pasti akan mendapat azab seksaan yang amat pedih di hari pembalasan kelak.

Antara ciri-ciri utama yang perlu ada bagi seseorang pemimpin adalah;



- Pertama : Pemimpin hendaklah mempunyai niat yang ikhlas.
- Kedua : Pemimpin hendaklah mentaati Allah dan Rasulnya.
- Ketiga : Pemimpin hendaklah memahami matlamat pelaksanaan syariat Islam.
- Keempat : Pemimpin hendaklah memiliki sifat amanah, memiliki jiwa yang kental dan juga sifat-sifat mahmudah yang lain.

Marilah kita bersatu untuk meningkatkan kemakmuran dan kesejahteraan negara dengan mendokong pemimpin yang adil dan amanah.

Marilah kita berdoa setiap waktu supaya Allah mengurniakan pemimpin yang benar-benar melaksanakan tuntutan Islam, amanah dan bertanggungjawab. Mudah-mudahan kepimpinan yang diasaskan oleh kepimpinan keluarga, masyarakat dan negara dizahirkan dalam kehidupan kita hari ini.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُونُوا قَوَّامِينَ لِلَّهِ شُهَدَاءَ  
بِالْقِسْطِ وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَاٰنُ قَوْمٍ عَلَىٰ ٱلْأَ



تَعَدِلُوا<sup>ج</sup> أَعَدِلُوا<sup>ج</sup> هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَى<sup>ط</sup> وَاتَّقُوا اللَّهَ<sup>ج</sup>  
إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿٨﴾

*"Wahai orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang yang menegakkan kebenaran kerana Allah, lagi menjadi saksi dengan adil dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada taqwa; dan bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan".*

(Al-Maidah: 8)

بَارَكَ اللَّهُ لِي<sup>و</sup> وَلَكُمْ<sup>و</sup> بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،  
وَنَفَعَنِي<sup>و</sup> وَإِيَّاكُمْ<sup>و</sup> بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي<sup>و</sup> وَمِنْكُمْ<sup>و</sup> تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.



أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا  
مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا  
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ، وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ  
الدِّينِ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ  
الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ  
يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا  
عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.



اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ  
اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ  
أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ  
قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ  
إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ  
بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنَ  
عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَائِتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ  
مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَاعُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ  
ادريس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلاَحِ الدِّينِ  
عبد العزيز شاه الحاج.

اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ  
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِيَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاعُورِ، تَعَكَوْ أَمِيرِ شَاه



إِبْنِ السُّلْطَانِ شَرَفُ الدِّينِ اِدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ فِي  
أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ  
وَإِلْكَرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلُ عُمَرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِلْمُوْظَفِيْنَ  
وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيْقِ الْهُدٰى  
وَالرِّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebakikan.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, tingkatkanlah amal kami, kukuhkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada ujian-Mu yang berat seperti kemarau panjang, banjir besar, wabak penyakit, persengketaan, kemiskinan dan lain-lain, supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Engkau bukannya hati umat Islam, khususnya di Negeri Selangor untuk melaksanakan ibadah zakat sebagaimana yang telah Engkau fardhukan di dalam Al-Quran. Berkatilah hidup orang-orang yang



melaksanakan tuntutan berzakat, menyayangi fakir dan miskin, sucikanlah harta dan jiwa mereka agar mereka hidup dalam keredhaan-Mu. Kau lindungilah golongan fuqara' dan masakin daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ  
وَأَجْعَلْنَا

لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي  
الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ  
وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ





فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ  
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ  
اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

HJ AHMAD/Li \*\*